



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN  
NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR.

Tingkat 3, 5, & 6,  
Blok B, Wisma Sri Pahang,  
25503 Kuantan,  
Pahang Darul Makmur.

Tel. : 09-512 6800  
Fax. : 09-513 4839  
Email : [pkn@pahang.gov.my](mailto:pkn@pahang.gov.my)

**#MajuTerusPahang #Pahang1<sup>st</sup>**

Ruj. Kami : PERB.PHG.SPA 100-1/1.9/1 Jld. <sup>3</sup> (4)  
Tarikh : 04 OGOS 2023

## SENARAI EDARAN

YB Dato' Indera/ Sahibus Samahah Dato' Sri/ YAA Dato'/ YH Dato'/ Tuan/ Puan,

**PEMATUHAN KEPADA PEKELILING PERBENDAHARAAN YANG BERKUAT  
KUASA BERKAITAN PEROLEHAN KERAJAAN**

**- PK 2.4 RUNDINGAN TERUS BAGI PEROLEHAN PERKHIDMATAN AGEN  
PENGEMBARAAN (TRAVEL AGENT) BAGI PROGRAM KE LUAR NEGARA**

Dengan hormatnya izinkan saya menarik perhatian YB Dato' Indera/ Sahibus Samahah Dato' Sri/ YAA Dato' / YH Dato'/ Tuan/ Puan mengenai perkara di atas.

2. Untuk makluman pihak YB Dato' Indera/ Sahibus Samahah Dato' Sri/ YAA Dato'/ YH Dato'/ Tuan/ Puan, Majlis Mesyuarat Kerajaan Pahang Ke-27/2014 yang bersidang pada 8 Ogos 2014, Perkara (A14) bersetuju 1Pekeliling Perbendaharaan (1PP) diguna pakai tetapi tertakluk kepada penerimaan yang dikehendaki oleh Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa.

3. Sehubungan dengan itu, prosedur perolehan secara Rundingan Terus dalam Pekeliling Perbendaharaan PK 2.4 diterima pakai oleh pentadbiran ini namun bagi perolehan perkhidmatan agen pengembaraan (*travel Agent*) terdapat beberapa pindaan perlu dipatuhi oleh jabatan seperti berikut:

- a) peruntukan dan kelulusan belanja menggunakan peruntukan sedia ada jabatan telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Melulus. Tiada peruntukan tambahan kepada jabatan dan permohonan peruntukan tambahan hanya dipertimbangkan atas kepentingan Kerajaan Negeri sahaja;
- b) permohonan mestilah menepati kriteria permohonan secara rundingan terus dan ditandatangani oleh Pegawai Pengawal;
- c) penggunaan waran udara dan tuntutan perjalanan pegawai yang terlibat perlu dijadikan sebagai asas perkiraan anggaran kos sebelum cadangan menggunakan perkhidmatan *travel agent* bagi sesuatu program ditentukan oleh jabatan;

- d) jabatan mesti melaksanakan kajian pasaran di kalangan syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya;
- e) jabatan dikehendaki melaksanakan penilaian keupayaan syarikat-syarikat yang berkenaan melalui penubuhan Jawatankuasa Penilaian yang dilantik oleh Pegawai Pengawal dengan keahlian sekurang-kurangnya tiga orang pegawai yang berkelayakan;
- f) Jawatankuasa Penilaian perlu menilai keupayaan syarikat dari aspek kewangan dan teknikal. Selain itu jawatankuasa juga perlu meneliti keperluan kepada perkara-perkara seperti *tipping*, *tour guide*, *tour coordinator* dan lain-lain (dengan justifikasi keperluan merujuk kepada jenis aktiviti di luar negara). Perakuan hanya kepada perkara yang perlu sahaja. Pegawai Pengawal dan Jawatankuasa Penilaian bertanggungjawab sepenuhnya terhadap penilaian yang telah dilaksanakan bagi menjamin ketelusan serta nilai faedah terbaik (*best value for money*) kepada Kerajaan Negeri;
- g) minit mesyuarat hendaklah disediakan untuk setiap mesyuarat penilaian dengan dicatatkan para hadirin dan perkara yang telah atau pun tidak dipersetujui dan seterusnya hendaklah ditandatangani oleh Pengerusi; dan
- h) **profil syarikat, laporan penilaian teknikal dan kewangan, minit Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian dan surat kelulusan penyertaan ahli/ pegawai dan kakitangan yang terlibat dalam program ke luar negara** hendaklah disertakan semasa mengemukakan permohonan. Jika Agensi masih memperakukan syarikat yang tidak disyorkan oleh Jawatankuasa Penilaian, perkara tersebut hendaklah juga dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Melulus Perolehan tersebut.

4. Perhatian dan kerjasama pihak YB Dato' Indera/ Sahibus Samahah Dato' Sri/ YAA Dato'/ YH Dato'/ Tuan/ Puan berhubung perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATO' INDERA NAZRI BIN ABU BAKAR, SIMP., DSAP., DIMP., SMP.)  
PEGAWAI KEWANGAN NEGERI  
PAHANG DARUL MAKMUR**